

02 SEP 1999

Siam - tindakan

PERSATUAN SIAM MAHU TINDAKAN ISA TERHADAP PENCERAMAH

JITRA, 2 Sept (Bernama) -- Persatuan Siam Malaysia hari ini menggesa kerajaan mengenakan tindakan mengikut Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) terhadap seorang penceramah yang mendakwa dirinya berketurunan Siam dan sering menimbulkan kenyataan keterlaluan dalam ceramahnya yang dinaungi PAS.

"Orang seperti ini patut dikenakan tindakan ISA kerana perbuatannya boleh merosakkan kehidupan masyarakat pelbagai kaum yang saling hormat-menghormati," kata presiden persatuan itu Senator Charern Intachat pada persidangan media di pejabat UMNO Kubang Pasu di sini.

Beliau merujuk kepada Chong Thian Teik yang telah berucap pada ceramah PAS untuk menghina UMNO dan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Charern berkata beliau telah didesak oleh masyarakat Siam negara ini supaya memberi penjelasan mengenai Chong yang mendakwa mewakili masyarakat itu.

Dalam satu ceramah di Jejawi, Perlis minggu lepas, Chong dilaporkan berkata, orang Melayu perlu memberi sokongan kepada PAS kerana UMNO tidak Islam lagi.

Charern berkata Chong telah membuat pelbagai tuduhan tidak berasas, melulu dan keterlaluan.

Katanya sejak Merdeka lagi, 60,000 penduduk keturunan Siam di negara ini telah memberi sokongan padu kepada kerajaan dan sokongan itu tidak akan berubah.

-- BERNAMA

ZA MAI